

**KOLEKSI PERPUSTAKAAN AKADEMI ISLAM
UNIVERSITI MALAYA DI
NILAM PURI, KELANTAN**

oleh
Habsah Haji Ibrahim*

Perpustakaan Akademi Islam Universiti Malaya, Nilam Puri pada asalnya adalah Perpustakaan Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan yang telah diambilalih oleh Universiti Malaya dengan tertubuhnya Akademi Islam pada 1 April 1981. Perpustakaan ini telah wujud lebih kurang empat belas tahun yang lalu dan ianya lebih dikenali dengan nama Perpustakaan Al-Malik Faisal, sempena nama penyumbanganya iaitu Al-Marhum Al-Malik Faisal dari Arab Saudi. Perpustakaan ini merupakan perpustakaan sementara, iaitu sementara menanti siapnya kampus AIUM yang baru di Bachok.

Dewasa ini Perpustakaan mempunyai sebanyak lebih kurang 23,000 naskhah buku yang mana 65% daripadanya adalah dalam Bahasa Arab, 25% dalam Bahasa Melayu dan 10% dalam Bahasa Inggeris, dengan tajuknya berjumlah 7,020 semuanya di mana 51% darinya terdiri dari buku-buku dalam Bahasa Arab, 27% dalam Bahasa Melayu dan 22% dalam Bahasa Inggeris. Dari jumlah tajuk ini bolehlah ianya dibahagikan secara terperinci di bawah bidang-bidang pengajian Islam seperti berikut:

Bidang	Jumlah tajuk
Syariah	1381
Bahasa & Kesusasteraan	1105
Usuluddin	991
Kemasyarakatan & Kebudayaan	97
Politik	88
Pendidikan	82
Ekonomi	77
Sains	46
Kesenian	10
Am	688

Jumlah buku-buku di luar bidang pengajian Islam ialah sebanyak 2,465 tajuk.

Banyak dari buku-buku bacaan Perpustakaan ini diterima sebagai hadiah dari dalam dan luar negeri seperti Universiti Riad; Universiti Al-Imam Mohd. Ibnu Saoud; Kedutaan-Kedutaan Arab di Malaysia; Kementerian Wakaf, Kuwait; Kerajaan Arab Saudi; Majlis Al-A'la Lil-Syuuun Al-Islamiyah, Cairo; Kedutaan Republik Arab Libya dan lain-lain lagi. Orang-orang perseorangan juga ada mewakafkan buku-buku mereka untuk kegunaan di Perpustakaan ini.

Di samping buku, Perpustakaan juga mempunyai koleksi majalah dan akhbar bagi dalam dan luar negeri. Terdapat 68 tajuk semuanya, iaitu 40 tajuk dalam Bahasa Melayu, 19 tajuk dalam Bahasa Arab dan 9 tajuk dalam Bahasa Inggeris. Bahan-bahan ini didapati secara langganan dan juga sebagai hadiah dari dalam dan luar negeri.

*Penolong Pustakawan, Perpustakaan Akademi Islam, Universiti Malaya.

Di antara bahan bersiri terpenting yang terdapat di Perpustakaan ini ialah al-Wa'y al-Islami, Manbar al-Islami, al-Mujtama', al-Arabi, Rabitat al-Alam al-Islami, al-Ba'th al-Islami, al-Irshad dan al-Tarbiyat al-Islamiyah.

Majalah *Pengasuh* merupakan satu dari bahan bernilai yang terdapat di Perpustakaan ini. Ini adalah warta Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan yang pada mulanya dikeluarkan dua kali sebulan. Majalah ini merupakan satu daripada warta Melayu yang tertua di negara ini dan ia mula diterbitkan pada tahun 1918.

Selain dari monograf dan bahan-bahan bersiri, Perpustakaan juga menyimpan gambar-gambar alim ulama, kebanyakannya dari negeri Kelantan. Di antaranya termasuklah potret Tuan Guru Haji Muhammad Yusof Ahmad (Tok Kenali), 1895–1957, seorang pakar bahasa Arab yang terkenal di Kelantan dan negara ini dan juga pengarang majalah *Pengasuh* yang diterbitkan oleh Majlis Ugama dan Istiadat Melayu Kelantan. Selain dari itu terdapat juga gambar ulama-ulama yang lain seperti Tuan Guru Haji Ahmad Mahir, 1905–1968; Haji Nik Ab. Rahman Nik Kob, 1910–1960; Haji Wan Ahmad Haji Ab. Halim (Tok Padang Jelapang), 1891–1934; Tuan Guru Haji Abdullah Tahir Haji Ahmad, 1897–1960; Haji Daud Haji Omar Bukit Abal, 1903–1976; Tuan Guru Haji Wan Ali Kutan; Tuan Guru Haji Ali Pulau Pisang, 1899–1968 dan Tuan Guru Haji Wan Musa, 1874–1934.

Dewasa ini Perpustakaan hanya mempunyai satu tajuk sahaja dalam bentuk mikrofilem iaitu bagi majalah *Pengasuh* yang terdiri dari tujuh gulung bagi keluaran-keluaran dari tahun 1918 hingga 1965.

Selain dari bahan-bahan di atas terdapat juga di Perpustakaan ini pita-pita keset bagi tajuk-tajuk dalam siri Da'wah Islamiyah oleh A.H. Tutty Alawiyah, Siri Shalawat & Qasidah, bacaan al-Quran, Kursus Bahasa Arab, ceramah serta ucapan dan lain-lain.

Buat masa ini Perpustakaan hanya mempunyai empat koleksi sahaja iaitu Koleksi Rak Terbuka, Koleksi Rujukan, Koleksi Bertanda Merah dan Koleksi Majalah.

Pada masa yang lampau bahan-bahan Perpustakaan diproses mengikut sistem Perpuluhan Dewey. Jadi buku-buku lama yang sudah diproses mempunyai nombor pengelasan Dewey. Namun begitu di bawah pentadbiran baru, Perpustakaan adalah di dalam proses menukarkan sistem pengkelasannya dari sistem Perpuluhan Dewey kepada sistem Pengelasan Library of Congress mengikut sistem yang digunakan oleh Perpustakaan Besar, Universiti Malaya. Di samping itu Perpustakaan juga akan menukarkan katalognya dari Katalog berbentuk kad kepada Katalog COM (Computer Output Microform Catalogue) dengan penyertaan Perpustakaan ini di dalam Projek MALMARC (Malaysia Machine Readable Cataloguing). Langkah-langkah ini diambil untuk tujuan penyelarasan dengan Perpustakaan Besar dengan menggunakan satu sistem yang sama yang kemaskini dan efisien bagi menyenangkan pelajar-pelajar dan kakitangan akademik Akademi Islam yang menggunakan kedua-dua Perpustakaan ini dan Perpustakaan Besar dalam tempoh pengajian dan pengajaran mereka di Universiti ini.